

## Episod 1 - Osaka

Pada musim luruh yang lalu saya telah mengembara ke Jepun secara solo. Ini adalah pengalaman pertama saya ke negara matahari terbit berkenaan. Sepanjang di Jepun saya menggunakan pengangkutan awam seperti tren dan keretapi elektrik. Jaringan pengangkutan awamnya sangat luas dan komprehensif.

Perjalanan saya bermula di Osaka, bandar ke-3 terbesar di Jepun selepas Tokyo dan Yokohama. Bandar ini terletak di wilayah Kansai menghadap Teluk Osaka dengan populasi keseluruhan mencecah 19 juta penduduk. Dengan saiz sebegini besar, Osaka termasuk dalam senarai 10 bandaraya terbesar di-dunia!

Untuk melihat sendiri landskap bandaraya yang terbentang luas ini saya singgah di Abeno Harukas, antara pencakar langit tertinggi di Jepun. Mercu tanda kebanggaan penduduk Osaka berketinggian 300 meter ini siap sepenuhnya pada tahun 2014. Ia berfungsi sebagai struktur binaan pelbagai guna seperti bangunan pejabat, pusat beli belah, stesen keretapi, hotel, muzium dan balai cerap untuk pengunjung. Pada keadaan cuaca yang baik pemandangannya begitu menarik dengan Teluk Osaka kelihatan di kejauhan.

Satu lagi mercu tanda ikonik di Jepun turut terletak di Osaka. Istana Osaka atau Osaka-jo dibina pada tahun 1583 oleh Toyotomi Hideyoshi, antara figura utama dalam catatan sejarah negara ini. Struktur binaan yang berdiri teguh ketika ini adalah replika bangunan asal kerana telah beberapa kali musnah akibat kebakaran dan peperangan. Keseluruhan kompleks istana ini cukup menawan kerana dikelilingi taman dan tali air, landskap kontra kepada bandaraya Osaka yang dibarisi dengan bangunan konkrit.

Ketika di bandaraya ini, saya turut berkesempatan untuk singgah ke Dotonbori. Lokasi yang tidak asing bagi penduduk tempatan dan para pengunjung dari luar. Dotonbori malah digelar 'dapur bagi negara Jepun' kerana begitu banyak premis yang menjual pelbagai jenis hidangan. Saya masih ingat, ketika di sekolah rendah sekitar 20 tahun lalu, papan iklan gula-gula Glico inilah yang sering muncul di rancangan dokumentari television dan majalah di perpustakaan sekolah.

Pada hari-hari terakhir di sini, saya membuat keputusan untuk ke sebuah lokasi yang terletak hampir dengan Teluk Osaka. Rasanya tidak lengkap jika tidak singgah ke Umeda Sky Building untuk melihat panorama Teluk Osaka pada waktu petang. Balai cerap di sini agak berbeza kerana berkonsepkan terbuka 360 darjah di mana pengunjung boleh merasai tiupan angin pada aras ketinggian 170 meter. Jika keadaan cuaca mengizinkan, Pulau Iwaji yang terletak di antara kepulauan Honshu dan Shikoku boleh juga dilihat. Keindahan dari lokasi ini sememangnya sesuai menjadi penutup kunjungan saya sebelum meninggalkan bandaraya ini.

Saya akan meneruskan perjalanan ke sebuah lagi bandar iaitu Kyoto, bandar bersejarah yang menjadi pusat kebudayaan negara matahari terbit ini. Nantikan episod seterusnya selepas ini.

## Episod 2 - Hujan di Kyoto

Keadaan mendung dan berawan menyambut ketibaan saya ketika mula-mula menjejakkan kaki di bandar Kyoto. Perjalanan dari Osaka ke bandar ini dengan menaiki tren berjalan lancar. Kyoto sememangnya terhubung dengan wilayah-wilayah lain di Jepun menerusi lingkaran jaluran keretapi utama. Pintu masuk utama ke bandar ini melalui jalan rel adalah melalui Stesen Kyoto. Dengan populasi seramai 1.4 juta orang, bandar yang terletak di wilayah Kansai ini mula dibuka seawal tahun 794, dan menjadi pusat kebudayaan yang utama bagi negara Jepun.

Persinggahan pertama saya adalah di Fushimi Inari Taisha, kompleks kuil penting bagi masyarakat tempatan yang terletak di kaki Gunung Inari, selatan Kyoto. Struktur pertama kuil ini dibina seawal tahun 711 sebelum diubah lokasinya ke kedudukan sekarang pada tahun 816. Di lokasi inilah terletakinya ribuan pintu gerbang Torii yang berwarna kemerahan tersusun sepanjang laluan 4 kilometer pendakian ke puncak. Setiap pintu gerbang Torii ini mewakili sumbangan dari institusi perniagaan di Jepun kepada Inari yang merupakan figura kepercayaan bagi penganut agama Shinto. Saya menelusuri sepanjang laluan ke puncak dalam keadaan permukaan laluan yang licin. Hujan lebat secara tiba-tiba berselang dengan sinaran matahari menjadikan suasana disini begitu 'surreal'. Keadaan cuaca bertukar baik setibanya di puncak memperlihatkan landskap bandaraya Kyoto yang dikelilingi alam semulajadi.

Waktu malam di Kyoto ternyata lebih santai berbanding bandaraya besar yang lain. Kedinginan malam musim luruh ini membawa saya ke Lorong Pontocho berhampiran Sungai Kamogawa yang disinari lampu tanglung. Lorong tersusun cantik dengan deretan restoran dan rumah agam tradisional Jepun ini begitu sinonim dengan kehadiran Geisha dan Maiko yang penuh misteri. Dalam tradisi kebudayaan Jepun, Geisha dan Maiko merupakan penghibur terlatih yang mempersembahkan seni tradisional Jepun kepada golongan kelas atasan. Di Kyoto sendiri, proses untuk menjadi Geisha boleh memakan masa hingga 5 tahun berikutan standard latihan yang ketat. Lorong yang diasaskan pada tahun 1670 ini juga adalah tempat lahirnya Kabuki, persembahan drama dan tarian klasik masyarakat Jepun yang menampilkan hiasan muka dan kostum menonjol.

Rancangan perjalanan saya pada hari ini tertumpu di bahagian barat pinggir bandar Kyoto. Cuaca hujan sepanjang hari menjadi halangan terbesar untuk tiba di daerah Arashiyama yang terkenal dengan landskap alam semulajadi. Kawasan yang berlatar belakang Gunung Arashi ini sememangnya menjadi tumpuan sejak era pemerintahan Heian sekitar tahun 794 hingga 1185. Suasana petang yang sejuk dan berkabus menjadikan pemandangan di Jambatan Togetsukyo antara kenangan menarik bagi saya sepanjang berada di Jepun. Tatkala hujan yang turun menjadi sedikit reda, saya menyeberangi jambatan ini merentasi sungai untuk ke bahagian lebih dalam melewati rumah tradisional dan monumen bersejarah masyarakat tempatan seawal abad ke 8. Tidak jauh dari sini, terdapat kawasan hutan pohon buluh Arashiyama yang terkenal. Lokasi ini sentiasa dikunjungi setiap hari terutama pelancong dari luar termasuk Malaysia. Pengunjung boleh berjalan menikmati pemandangan rimbunan hutan buluh dari spesis Moso melalui beberapa jaringan lorong yang disediakan. Sebelum perlahan beransur meninggalkan daerah Arashiyama, saya sempat meluangkan masa di tepian sungai untuk memerhatikan suasana senja daerah yang menawan ini.

Kyoto mula memperlihatkan perubahan landskap ketika beberapa hari terakhir saya di sini. Langit yang dahulunya mendung kini cerah kebiruan disinari cahaya matahari. Daun-daun pokok di bandaraya ini bertukar kekuningan menandakan tibanya fasa akhir musim luruh. Saya menghabiskan masa di sekitar Gion dan Taman Maruyama menikmati cuaca hangat setelah sepanjang minggu meneroka Kyoto dalam kedinginan hujan. Peluang ini saya ambil untuk melihat suasana harian di tengah-tengah bandaraya Kyoto dengan lebih dekat. Cuaca yang semakin baik ini sememangnya merancakkan kembali pelbagai aktiviti masyarakat di sini. Dalam keayuan gadis berkimono dan pohon-pohon musim luruh Kyoto yang memukau, saya perlahan memalingkan wajah, melangkah meninggalkan Kyoto untuk meneruskan perjalanan di negara matahari terbit ini.

## Episod 3 - Nara

Saya memulakan perjalanan ke Nara, sebuah bandar yang terletak di bahagian selatan melalui Stesen Kyoto. Perjalanan tren jaringan Kintetsu membawa saya melalui pekan agrikultur di sepanjang Sungai Kizu. Setelah 1 jam, tren ini berhenti di hentian terakhir bernama Kintetsu Nara.

Bandar yang merupakan ibu negara Jepun purba ini mempunyai populasi sekitar 360 ribu orang. Dibuka pada tahun 710, lokasi ini begitu sinonim dengan rusa yang berkeliaran dan sejumlah monumen berstatus Tapak Warisan Dunia oleh Unesco.

Rancangan saya kali ini lebih ringkas. Muzium Nara yang pada awalnya ingin saya kunjungi ditutup kerana dalam proses ubahsuai dan naik taraf. Saya tidak berseorangan kerana disertai oleh seorang lagi yang turut mengembara secara solo. Cukuplah saya namakannya sebagai Claire, seorang gadis kelahiran Korea-Amerika. Kami pertama kali bertemu didepan lampu isyarat Jalan Omiya-dori. Sambil berbual-bual, kami luangkan masa melayani rusa dari spesis Sika yang berkeliaran bebas di Taman Nara. Kawasan ini merupakan tempat letaknya pintu gerbang kayu Nandaimon, pintu masuk gergasi ke Kuil Todaiji yang menempatkan struktur binaan kayu dan arca gangsa terbesar dunia. Taman ini memang salah satu hentian popular bagi pengembara dari luar negara.

Saya dan Claire menghabiskan masa bersama-sama selama beberapa hari terakhir beliau sebelum bertolak pulang ke Colorado. Kepulangannya itu menandakan perjalanan saya di negara matahari terbit ini turut hampir sampai ke penghujungnya.

3 bandar penting di kepulauan selatan Honshu ini telah berjaya saya jejak. Meskipun pengembaraan ini tidaklah begitu lama namun pengalaman mengharungi cuaca taufan dan perbezaan jurang bahasa tetap menghadirkan cabarannya yang tersendiri. Bagi saya, kemesraan masyarakat Jepun sepanjang berada disinilah yang menjadikan perjalanan ini begitu bermakna sebagai pengembara solo. Walau ada kalanya rasa kesunyian di tengah malam dingin, menjadi orang asing di tengah-tengah masyarakat yang begitu berbeza budaya hidupnya ini sedikit sebanyak mengubat duka di hati.